# SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ AL ATTAS (SMTAA)

# PERATURAN, PENCEGAHAN & PENGAWALAN WABAK COVID-19

ISI KANDUNGAN MUKA SURAT

1.0 **1.0 SOP COVID-19 SMTAA**

1.1 Sebelum pulang ke SMTAA ………………………………………………………….…. 3

1.2 Sampai ke Asrama ……………………………………………………………. 3

1.3 Makan……………………………………………………………………………. 3

1.4 Tidur………………………………………………………….……….. 4

1.5 Solat……………………………………………………………………...….. 4

1.6 Mandi…………………………………………………………………….. 4

1.7 Kelas……………………………………………………………………. 4

1.8 Solat Jumaat………………………………………………………………… 4

1.9 Balik ke asrama……………………………………………………………….. 4

1.10

1.11

2.0 PERKARA-PERKARA YANG DILARANG………………………………………. 5

3.0 AMALKAN………………………………………………………………………. 5

4.0 BARANG KELENGKAPAN YANG WAJIB DIBAWA OLEH SETIAP PELAJAR…. 6

5.0 NORMA BAHARU DALAM PEKERJAAN, PENGURUSAN DAN KEHIDUPAN DI SMTAA……………………………………………………………………………… 7

6.0 LAMPIRAN 1 : CONTOH SOLAT JUMAAT…………………………………….. 8

7.0 LAMPIRAN 2 : FLOWCHART BALIK KE ASRAMA……………………………… 9

8.0 QR CODE ASRAMA SK DAN SP ……………………………………………… 10

9.0 BORANG DEKLARASI SARINGAN PENYAKIT COVID-19 SMTAA………….. 11 - 12

## 1.0 SOP COVID-19 SMTAA

Peraturan dan langkah pengawalan COVID-19 di dalam sekolah ini hendaklah dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dengan SMTAA.

| NO | AKTIVITI | TINDAKAN |
|---|---|---|
| 1.1 | Sebelum pulang ke SMTAA | Pastikan :<br>1. Ibu bapa menyediakan barang keperluan yang lengkap untuk pelajar iaitu; MASK,HAND SANITIZER, SABUN, CAWAN, PINGGAN, SUDU serta MANGKUK sendiri.<br>2. Mandi dengan menggunakan sabun (anti-bacterial).<br>3. Memakai pakaian yang telah dibasuh dengan sabun.<br>4. Ahli keluarga yang menghantar pelajar pulang ke SMTAA juga perlu buat arahan no 1 & 2.<br>5. Dilarang singgah di mana tempat semasa dalam perjalanan ke SMTAA seperti kedai, stesen minyak, dan lain-lain.<br>6. Ketika sampai di SMTAA sila ikut langkah seterusnya. |
| 1.2 | Sampai di Asrama SMTAA | 1. Ibu bapa hanya dibenarkan menghantar pelajar sampai di pagar SAHAJA. Seorang penjaga/ibu bapa dibenarkan menghantar anak ke kediaman SEKIRANYA PERLU.<br>2. Pelajar dikehendaki scan QR CODE yang telah sedia ditampal di meja guard asrama.<br>3. Setiap pelajar mesti mengisi borang pengakuan bebas COVID dimana suhu badan pelajar akan diambil dan SMTAA tidak akan menerima masuk pelajar yang suhu badannya melebihi 37.5 darjah celcius.<br>4. Borang saringan Covid 19, saringan kesihatan dan pengesahan kesihatan akan diberi terlebih dahulu. Sila print da nisi kemudian serahkan ke warden semasa hari pertama kuliah.<br>5. Warden akan memastikan (sportcheck) setiap pelajar mempunyai barang yang wajib dibawa (mask, hand sanitizer, sejadah, pinggan, mangkuk, sudu). |

| | | |
|---|---|---|
| 1.3 | Makan | 1. Pelajar perlu makan menggunakan pinggan masing-masing yang dibawa dari rumah.<br>2. Kedudukan ketika makan wajib jarak 1 meter antara satu sama lain mengikut tanda garis yang telah disediakan. |
| 1.4 | Tidur | 1. Kedudukkan pelajar pada waktu tidur hendaklah kekalkan jarak 1 meter antara satu sama lain, mengikut susunan yang ditetapkan oleh guru. |
| 1.5 | Solat | 1. Pelajar wajib menjaga jarak 1 meter antara satu sama lain ketika waktu menjalankan program ibadah seperti solat, zikir dan lain.<br>2. Jika ruangan tidak muat maka akan diadakan lebih satu Jemaah. |
| 1.6 | Mandi | 1. Pelajar yang hendak menunggu giliran mandi/guna tandas perlu beratur menjarakkan diri dari orang lain dengan kadar jarak sebanyak 1 meter<br>2. ketika menunggu giliran tandas, hanya 1 orang sahaja yang dibenarkan menunggu didepan pintu tandas. Namun, amat digalakkan supaya tidak berkumpul di tandas.<br>3. Selepas mandi, pelajar yang ingin meletak barang mandi hendaklah menjaga jarak 1 meter sesama pelajar lain. |
| 1.7 | Kelas | 1. Kedudukkan pelajar adalah dengan jarak 1 meter antara satu sama lain ketika dalam kelas, mengikut label garis yang telah ditetapkan. |
| 1.8 | Solat jumaat | 1. Permohonan akan di buat untuk melaksanakan solat jumaat di surau asrama di SP/ kolej.<br>2. Jarak 1 meter mesti di patuhi.<br>3. Pelajar perlu sentiasa memakai mask, menggunakan hand sanitizer dan perlu menggunakan sejadah sendiri<br>4. Tiada salam salaman sebelum dan selepas solat jumaat. |

| | | |
|---|---|---|
| | | • SILA LIHAT LAMPIRAN 1, CONTOH JARAK SOLAT JUMAAT |
| 1.9 | Balik ke asrama | Ibu bapa dikehendaki mengikut masa dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak SMTAA. |
| 1.10 | Pergerakan ke tempat kuliah | Suhu akan diambil sebelum menaiki bas. Pastikan jarak 1 meter. Semua pelajar WAJIB memakai mask. |
| 1.11 | Perubahan berkaitan Covid 19 | Ibu-bapa dan pelajar perlu akur dan menerima sebarang perubahan peraturan berkaitan Covid – 19 dari semasa ke semasa. Pihak sekolah akan mengikut segala garis panduan yang ditetapkan oleh KKM , JHEINS DAN JAKIM. |

## 2.0 PERKARA-PERKARA YANG DILARANG

Berkumpul di suatu tempat beramai-ramai

Bersalam/berjabat tangan bersama pelajar dan guru

## 3.0 AMALKAN



Memakai pelitup muka



Kerap membasuh tangan menggunakan sabun serta menggunakan hand sanitizer



**Etika batuk atau bersin :**

Gunakan tisu atau sudut siku dan terus buang ke dalam tong sampah tertutup dan cuci tangan

## 4.0 BARANG KELENGKAPAN YANG WAJIB DIBAWA OLEH SETIAP PELAJAR

| | | |
|---|---|---|
| **1** | **Pelitup muka 3 ply face mask.** **Face Shield** |  |
| **2** | **Hand Sanitizer.** **World Health Organization (WHO) menyarankan agar masyarakat menggunakan hand sanitizer dengan konsentrasi 60% alkohol.** |  |
| **3** | **Vitamin C :** **Ibu bapa disarankan membekalkan Vitamin C untuk pelajar-pelajar yang sesuai dengan diri masing masing.** |  |
| **4** | **Cawan/Pinggan/Sudu.** **pelajar pelajar wajib membawa cawan,pinggan, sudu sendiri dan tidak dibenarkan berkongsi bersama orang lain.** |  |
| **5** | **Sejadah :** **Pelajar-pelajar wajib membawa dan menggunakan sejadah sendiri ketika solat, dan dilarang berkongsi bersama orang lain** |  |
| **6** | **Sabun mandi & sabun basuh pakaian :** **anti bacterial** |  |

## 5.0 NORMA BAHARU DALAM PEKERJAAN, PENGURUSAN DAN KEHIDUPAN DI SMTAA

**Mengamalkan langkah-langkah kesihatan**

- Penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter dalam semua keadaan.
- Membuat label/tanda garis sebagai panduan pelajar pelajar & guru guru untuk menjaga jarak 1 meter.
- Guru-guru & pelajar wajib memakai face mask ketika dalam kelas dan ketika mengurus pelajar di asrama (bagi warden)

**Menggalakkan amalan kebersihan yang tinggi**

- Memastikan pembersihan (sanitizing) kawasan SMTAA dan asrama dibuat pada kadar yang kerap dan konsisten.

**Mengamalkan amalan-amalan pencegahan jangkitan**

- Pelajar-pelajar akan diambil suhu badan harian dan dipantau sekiranya mempunyai gejala selama 14 hari oleh warden.
- Suhu badan pelajar-pelajar akan direkodkan, sekiranya didapati suhu badan melebihi 37.5 atau bergejala maka ibu bapa atau penjaga akan dimaklumkan untuk mengambil pelajar pulang untuk pemeriksaan. Pelajar akan dimasukkan ke dalam bilik isolasi ketika menunggu ibu bapa sekiranya bergejala.
- Ibu bapa tidak dibenarkan berjumpa/melawat pelajar selama 14 hari,
- Pelajar tidak dibenarkan pulang ke rumah sehingga kebenaran dimaklumkan oleh pihak SMTAA.
- Barang barang yang diterima dari luar akan diletakkan di suatu tempat yang khusus terlebih dahulu sebelum *inspection*
- Pelajar-pelajar dilarang berkongsi barang seperti cawan,pinggan,sudu dan pakaian.

**6.0 LAMPIRAN 1 : CONTOH SOLAT JUMAAT**





Contoh solat Jemaah dengan jarak 1 meter yang akan dilaksanakan oleh pelajar dan guru ketika solat jumaat.

## 7.0 LAMPIRAN 2 : FLOWCHART BALIK KE ASRAMA

### LANGKAH-LANGKAH PROSEDUR BALIK KE ASRAMA SMTAA

Pastikan pelajar yang pulang ke asrama sudah kuarantin selama 14 hari sebelum pulang ke asrama

Pastikan barang-barang wajib dibawa cukup seperti MASK, SEJADAH, VITAMIN C, PINGGAN, MANGKUK, CAWAN, HAND SANITIZER

Sampai di pagar asrama pelajar perlu scan QR CODE dan mengambil suhu pelajar sebelum masuk ke dalam asrama untuk memastikan tiada pelajar yang bergejala.

Pastikan lepas naik ke rumah terus mandi, tukar pakaian dan basuh pakaian tadi dengan sabun.

**8.0 QR CODE ASRAMA SITI KHADIJAH DAN SP**

## 9.0 BORANG DEKLARASI SARINGAN PENYAKIT COVID-19 SMTAA

SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ AL ATTAS
USAHASAMA KOLEJ ANTARABANGSA UNIFIELD

**BORANG DEKLARASI SARINGAN PENYAKIT COVID-19**
**(Diisi oleh pelajar dan individu yang menghantar pelajar)**

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Program :
No. Matrik :
Nama Ibu/Bapa/Penjaga/Waris :
No. Telefon Ibu/Bapa/Penjaga/Waris :

| Risiko dalam masa 14 hari (Tandakan √) | | Ya | Tidak |
|---|---|---|---|
| 1 | Adakah anda/keluarga baru balik dari melawat luar negara dalam masa 14 hari? Nyatakan negara yang dilawati : | | |
| 2 | Adakah anda/keluarga menyertai Ijtimak Tabligh @ mana-mana perhimpunan dalam masa 14 hari? | | |
| 3 | Adakah anda/keluarga ada KONTAK RAPAT dengan individu DISAHKAN positif Covid-19? | | |
| | a. Adakah keluarga serumah atau ahli tabligh dari kumpulan kecil, disahkan positif Covid-19? | | |
| | b. Berada bersama dalam dalam bilik yang TERTUTUP yang menggunakan penghawa dingin lebih dari 2 jam? | | |
| | c. Bekerja/bersemuka dalam RUANG TERTUTUP yang sama, dalam jarak kurang dari 1 METER melebihi 15 MINIT? | | |
| | d. Menaiki kenderaan yang sama (melebihi 2 jam) dalam jarak 2 kerusi (2 meter) dari individu positif Covid-19? | | |

| SIMPTOM | YA | TIDAK |
|---|---|---|
| Demam | | |
| Batuk | | |
| Sakit Tekak | | |
| Selesema | | |
| Lain-lain Nyatakan : | | |
| Suhu Badan Tarikh : | | |

**BORANG PENGESAHAN INI HANYALAH UNTUK PEMERIKSAAN SIMPTOM-SIMPTOM ATAU YANG BERGEJALA BAGI WABAK COVID-19 SAHAJA.**

**BORANG INI BUKAN UNTUK PEMERIKSAAN MENGESAHKAN PELAJAR MEMPUNYAI COVID-19 ATAUPUN TIDAK.**

PELAJAR INI DISAHKAN SIHAT DAN **LAYAK BELAJAR/TIDAK LAYAK BELAJAR.**

**SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ AL ATTAS**
**USAHASAMA KOLEJ ANTARABANGSA UNIFIELD**
**DEKLARASI KESIHATAN**

Salam Tuan/Puan,

Kami memandang serius ke atas status terkini jangkitan 2019 novel coronavirus (COVID-19) yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sehubungan itu, kami mengambil langkah berjaga-jaga untuk mencegah penyebaran jangkitan tersebut di Sekolah Menengah Tahfiz Al Attas. Kerjasama tuan/puan amat penting bagi membantu kami mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengekang penyebaran wabak di premis ini.

| | |
|---|---|
| Nama Pelawat : | No. Telefon Bimbit : |
| No. Kad Pengenalan : | Kewarganegaraan : |
| Nama Syarikat / Organisasi Pelawat : | |
| Mesyuarat dihadiri / Bahagian yang dilawat : | |

**Deklarasi Kesihatan oleh Pelawat**

☐ Tiada gejala

Sekiranya tuan/puan mempunyai gejala dibawah. (Tandakan (√) pada kotak yang berkenaan.

☐ Demam ☐ Batuk Kering ☐ Sakit Badan ☐ Sakit Kepala

☐ Sakit Tekak ☐ Selesema ☐ Keletihan ☐ Sesak Nafas

☐ Lain-lain

Adakah tuan/puan pernah berurusan dengan pesakit COVID-19 dalam tempoh 14 hari yang lalu?

☐ Ya ☐ Tidak

Adakah tuan/puan melawati negara yang mengistiharkan mempunyai kes penularan penyakit COVID-19 dalam tempoh 14 hari yang lalu?

☐ Ya ☐ Tidak

Tandatangan pelawat : ____________________ Tarikh : ____________________

**Pengesahan Urusan** : potong yang tidak perlu*
Pelawat *Dibenarkan / tidak dibenarkan masuk kerana bacaan suhu badan _________